

# Qalam

---

Bilangan 64 – *Rabi'ulawal* 1375 November 1955 – 60 Sen

---

## Allāhumma Ṣalli Wa Sallim ‘Alayhi

Dalam bulan ini di mana-mana tempat tidak putus-putusnya kita merayakan hari keputeraan junjungan kita Muhammad (SAW) yang telah berjasa membawa agama Islam sebagai penyuluh yang terang benderang kepada alam semesta. Sebagai Rasul (Pesuruh Allah) yang utama dan penamat kepada Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang telah diturunkan Allah ke dalam dunia ini – sebagai pembawa agama Allah yang sempurna yang meliputi kepada kehendak dan kemahuan alam semesta.

Kita merayakan tidak lain kerana menunjukkan rasa cinta, dan memuliakan kepada jasa-jasa beliau yang besar yang menganjurkan kita kepada hidup berbahagia di dunia dan di akhirat nanti berbagai-bagai cara kita adakan dan di dalam masa zaman yang akhir ini kita, di beberapa tempat, terutamanya di bandar-bandar, mengadakan perarakan-perarakan guna menunjukkan kebesaran cinta kita kepada beliau.

Alhamdulillah, kita telah berjaya dari satu ke satu masa, menunjukkan perasaan kecintaan kita tetapi melihat kepada keadaan-keadaan di sekeliling kita hari ini melihat kepada acuan-acuan yang dihadapkan kepada Islam, sama ada daripada luar atau dari dalam maka tidaklah memadai sekadar itu sahaja – yakni dengan hanya menyambut dengan sambutan-sambutan yang besar. Sambutan-sambutan yang besar begitu tidak ada ertinya dan tidak ada manfaatnya kepada junjungan kita. Yang dihajat oleh junjungan kita Muhammad (SAW) ialah seperti

yang disabdakannya: “Sampaikanlah olehmu daripada aku walau satu ayat sekalipun.”

Inilah hajat yang besar, inilah suruhan yang utama daripada junjungan kita Muhammad (SAW), yang kita rayakan hari keputeraannya, kepada kita, khususnya sekarang adalah dituntut supaya mengembangkan pengertian dan pengajaran beliau kepada umat dengan meneladani apa yang telah dijalankan oleh beliau. Kepada kita disuruh membuat langkah bahawa negara dan agama tidak boleh dipisah-pisahkan. Kepada kita sekarang terletak tanggungjawab yang besar untuk menjauhkan adanya khurafat-khurafat di dalam masyarakat kita, menjauhkan kepercayaan orang kepada kubur, mengikis jumud, mengikis bakhil, mengikis malas dan sebagainya – dan mencontohi apa yang dibuat oleh Rasul dan sahabat-sahabatnya iaitu memberi pengorbanan dan jihad untuk menegakkan kalimah Allah dan kesucian agama Islam.

Inilah yang kita kehendaki sekarang. Marilah kita mengikat persatuan, marilah kita mengikat tali ukhuwah Islamiyyah untuk menyampaikan suruhan Allah, untuk menyampaikan pesan dan amanah Rasulullah (SAW) yang kita cintai. Inilah yang dikehendaki dan inilah sahaja yang dihajati.

\* \* \*

## Kemenangan umat Islam di Indonesia

Sungguhpun berita-berita yang sampai kepada kita di sini tentang Pilihanraya di Indonesia seolah-olah pihak kebangsaan berjaya dan pihak Masyumi dan Islam kalah tetapi yang demikian adalah dakyah semata sebab sebenarnya jika dijumlahkan nyata umat Islam menang, sekalipun kemenangan itu tidak seperti yang diharap dengan sepenuhnya.

Hal yang demikian ini dapat kita perhatikan dengan adanya keterangan Tuan Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi yang diantara lain-lain berkata: “Saya bergembira melihat hasil yang dicapai oleh Masyumi di Jakarta Raya, Jawa

Barat dan di seluruh daerah seberang, begitu juga hasil yang dicapai oleh Nahdlatul ‘Ulamā’ di Jawa Timur dan di Jawa Tengah “Katanya sambil berpesan supaya umat Islam berhati-hati atas hasutan-hasutan dari luar sementara menunggu berita-berita rasmi tentang hasil pemilihan itu. “Walhasil” katanya “Tiap-tiap hasil yang dicapai oleh Masyumi dan Nahdat al-‘Ulamā’ dengan Parti-Parti Islam lainnya, bererti hasil untuk memperkuat kedudukan Islam di Indonesia.”

Daripada keterangan yang ringkas ini dapatlah digambarkan bahawa di dalam menyatukan fahaman, umat Islam Indonesia yang bertujuan satu untuk menegakkan cita-cita umat Islam Indonesia yang satu untuk menegakkan Islam di Indonesia. Jika disatukan angka-angka umat Islam maka di beberapa tempat mereka lebih banyak dari yang lain-lain dikecualikan di Jawa Timur dan Jawa Tengah itu pun masih bersaing. Dalam ucapan Muhammad Natsir ini pula zahir bahawa sungguhpun undian Islam itu terbahagi tetapi mereka bersatu fahaman dan bersatu tujuan dan adalah diharap bahawa dengan persatuan itu dapat mereka menegakkan dengan luasnya cita-cita negara bahagia yang dicita-cita mereka.

Adalah satu pekerjaan yang berbahaya bagi negara Indonesia sekiranya pihak kebangsaan mendirikan pemerintahannya hanya bersama-sama komunis. Negara Indonesia akan hancur kerana harus bukannya sahaja ada pemberontakan seperti yang ada sekarang di Aceh dan di Jawa Barat tetapi harus juga timbul lagi pemberontakan di lain-lain tempat kerana tidak tertahan dengan tindasan pemerintahan yang bertulang belakang dengan komunis.

Oleh sebab itulah sudah banyak anjuran-anjuran pemimpin di Indonesia untuk keselamatan negara supaya puak kebangsaan berpaling seperti asalnya iaitu bekerjasama dengan parti-parti Islam seperti dahulu – tidak dengan komunis. Umat Islam Indonesia sesungguhnya mustahak menegakkan persatuan

untuk menjayakan cita-citanya dan adalah jauh panggang dari api jika Nahdlatul ‘Ulamā’ membelakangkan persatuan dengan Masyumi – mengajar persatuan dengan komunis seperti yang didakychkan oleh sebahagian pihak yang tidak suka Islam berdaulat di Indonesia.

\* \* \*

### Kerajaan Labour Front di Singapura

Semenjak kerajaan Labour Front memerintah dari bulan April 1955 hingga sekarang ini, telah berlaku 214 pemogokan. Yang terlibat oleh pemogokan yang banyak itu bukannya orang-orang yang hidup mewah tetapi adalah orang-orang pertengahan dan rakyat jelata sedang Ketua Menteri, Tuan David Marshall dikatakan “berbesar hati” atas adanya pemogokan itu sebagai tanda pekerja-pekerja menuntut kemewahan hidupnya.

Kerana tujuan-tujuan untuk memuas dan melapangkan pekerja-pekerja itu pula kononnya Kementerian Perburuhan telah merancang suatu cadangan baharu tentang gaji dan masa kerja bagi pekerja-pekerja itu yang lazim dijalankan di dalam negeri-negeri yang baik perusahaan-perusahaan besar di dalamnya.

Semua rancangan yang nampaknya dilakukan adalah untuk faedah pekerja-pekerja sedang perkara-perkara yang patut mendapat perhatian di negeri ini tentang banyaknya perusahaan-perusahaan kecil yang harus terlibat juga oleh peraturan-peraturan yang dijadualkan untuk pekerja-pekerja itu seperti dengan peraturan dan Pro Baydant Fund nampaknya tidak sedikit pun mendapat perhatian sedang tuan punya-tuan punya perusahaan kecil itu, untuk mempertahankan perdirian dan tanggungannya adalah bekerja selama 18 jam sehari – kerana kalau mereka tidak berbuat demikian perusahaannya itu akan lumpuh dan binasa terutamanya di atas bebanan-bebanan yang ditambah oleh peraturan yang

-sambungan pada muka 41-